




SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN

SPK

**LAPORAN
TAHUNAN 2018**

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

PERUTUSAN PENGERUSI	1
RINGKASAN EKSEKUTIF	2 - 3
LATAR BELAKANG	4 - 7
<input type="checkbox"/> Sejarah Penubuhan <input type="checkbox"/> Keanggotaan Suruhanjaya	
MESYUARAT	8 - 10
<input type="checkbox"/> Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman <input type="checkbox"/> Mesyuarat Pemilihan	
PELANTIKAN HAKIM	11 - 17
<input type="checkbox"/> Kriteria Pemilihan <input type="checkbox"/> Proses Pelantikan <input type="checkbox"/> Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan <ul style="list-style-type: none"> v Hakim Mahkamah Persekutuan v Hakim Mahkamah Rayuan v Hakim Mahkamah Tinggi v Pesuruhjaya Kehakiman 	
AKADEMI KEHAKIMAN	18 - 47
<input type="checkbox"/> Pelaksanaan Program Latihan Tahun 2018 <input type="checkbox"/> Aktiviti Penerbitan Tahun 2018	
PENAMBAHBAIKAN PENTADBIRAN KEADILAN	48
URUS SETIA SURUHANJAYA	49
<input type="checkbox"/> Peranan dan Fungsi <input type="checkbox"/> Peruntukan Kewangan	



The background features a minimalist abstract graphic. It consists of a large, thin horizontal bar spanning the width of the page. Overlaid on this bar are two white circles with dark gray outlines. The larger circle is positioned below the smaller one, and they overlap slightly. Above the circles, there are two dark gray, curved shapes that resemble stylized 'M' or 'W' letters, also overlapping each other. The overall aesthetic is clean and modern.

PERUTUSAN PENGERUSI

PERUTUSAN PENGURUSI



Ketelusan dan integriti adalah merupakan dimensi penting yang menjamin tertegaknya keadilan berdasarkan prinsip *the rule of law*. Sebagai elemen terpenting dalam amalan doktrin pengasingan kuasa di Malaysia, institusi kehakiman perlu menjadi model rujukan kepada institusi perundangan dan eksekutif. Maka, pembentangan Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Tahun 2018 bukanlah sekadar mematuhi kehendak Seksyen 31 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Akta 695). Lebih daripada itu, ianya adalah suatu bentuk manifestasi ke arah merealisasikan tanggungjawab menginstitusikan semangat serta amalan ketelusan dan integriti yang tinggi. Laporan ini diharap dapat menjadi saluran penting untuk menyebar luas maklumat mengenai fungsi, prestasi dan pencapaian Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) pada tahun 2018 kepada semua pihak yang berkepentingan khususnya pengamal undang-undang dan masyarakat secara amnya.

Sepanjang 9 tahun penubuhan Suruhanjaya, saya dapat merasai bahawa pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan ke arah memantapkan proses pelantikan hakim mahkamah atasan di Malaysia. Dalam hubungan ini, kriteria pelantikan sentiasa diperkemas dengan mengambilkira keperluan semasa dan kompleksiti perundangan negara. Pada masa yang sama, program yang tersusun dilaksanakan untuk memantapkan kompetensi hakim yang dilantik melalui program latihan yang komprehensif dan *hands-on* sifatnya. Suruhanjaya juga telah melipat gandakan usaha menerbitkan *Journal of the Malaysian Judiciary* yang mengandungi artikel daripada pelbagai disiplin undang-undang. Semoga inisiatif ini dapat terus membantu mempertingkatkan kredibiliti institusi kehakiman negara ini di mata dunia sebagai sebuah institusi yang mempunyai ciri-ciri 3R (*referred, respected, relevant*).

Akhir kata, rakaman penghargaan saya ucapkan kepada semua pegawai dan kakitangan Suruhanjaya yang diteraju oleh Tuan Wan Khairilnwar bin Wan Muhammad yang sentiasa komited merancang, melaksana dan menilai keberkesanan program Suruhanjaya. Kegigihan yang ditunjukkan mereka adalah merupakan formula penting yang membawa Suruhanjaya ini ke tahap yang dibanggakan pada hari ini.

Terima kasih.

TAN SRI DATUK SRI PANGLIMA RICHARD MALANJUM
Ketua Hakim Negara, Malaysia
merangkap
Pengerusi, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman



**RINGKASAN
EKSEKUTIF**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Seksyen 31 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) mengkehendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai aktivitinya dan dibentangkan di Parlimen. Selaras dengan peruntukan tersebut, Laporan Tahunan 2018 Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (selepas ini disebut Suruhanjaya) ini disediakan.

Laporan ini dibahagikan kepada enam bab utama:

1. **Latar Belakang** - menerangkan sejarah penubuhan, peranan Suruhanjaya dan memperkenalkan profail Anggota Suruhanjaya.
2. **Mesyuarat** - memaklumkan pelaksanaan dua mesyuarat Suruhanjaya sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta 695 iaitu Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Mesyuarat Pemilihan.
3. **Pemilihan dan Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan** - menjelaskan proses pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan di pelbagai peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Akta 695.
4. **Akademi Kehakiman** - melaporkan program-program latihan dalam dan luar negara serta aktiviti penerbitan pada tahun 2018.
5. **Penambahbaikan Pentadbiran Keadilan** - melaporkan aktiviti yang dilaksanakan bagi memantapkan Badan Kehakiman.
6. **Urus Setia Suruhanjaya** - menerangkan peranan dan fungsi Urus Setia Suruhanjaya dan melaporkan peruntukan kewangan yang diluluskan dalam tahun 2018.

SOROTAN 2018⇒ **Mesyuarat**

- ▶ 13 kali Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman
- ▶ 3 kali Mesyuarat Pemilihan

⇒ **Pelantikan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman**

- ▶ Ketua Hakim Negara
- ▶ Presiden Mahkamah Rayuan
- ▶ Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya
- ▶ Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak
- ▶ 7 orang Hakim Mahkamah Persekutuan
- ▶ 8 orang Hakim Mahkamah Rayuan
- ▶ 8 orang Hakim Mahkamah Tinggi
- ▶ 7 orang Pesuruhjaya Kehakiman

⇒ **Program Latihan Dalam Negara**

- ▶ Kursus di bawah Pengendalian Hakim Kanan
 - Insolvency Act 1967: Understanding The New Bankruptcy Law
 - Appellate Judging/ Appellate Intervention
 - Seminar on Land Law: Resolving Competing Claims under Section 340 of the National Land Code
 - Induction Programme for Judicial Commissioners
 - Adjudicating Election Petition
 - Adjudicating of Habeas Corpus Cases and Amendment to Dangerous Drugs Act 1952
 - Criminal Law: Evidence and Procedure Section 39B
 - Damages Part 1 : Tort
 - Damages Part 2 : Contract
- ▶ Program yang Melibatkan Kerjasama dengan Agensi Lain
 - Judicial Digital Evidence Seminar
- ▶ Jemputan Penceramah dari Dalam dan Luar Negara
 - YBhg. Dato' Meor Hashimi bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Insolvensi Malaysia
 - YBhg. Datuk Dr. Khaw Lake Tee, Mantan Pensyarah Undang-Undang Universiti Malaya
 - YA Paul Grimm, US District Court Judge, District of Maryland

⇒ **Penerbitan**

- ▶ Journal of the Malaysian Judiciary - Edisi Januari dan Julai 2018

⇒ **Penambahbaikan Pentadbiran Keadilan**

- ▶ Program Ketua Hakim Negara Besama-sama Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur



LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG

Sejarah Penubuhan

Kebebasan institusi kehakiman adalah komponen penting dalam sistem kehakiman dan perundangan di Malaysia yang mendukung prinsip kedaulatan undang-undang. Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Suruhanjaya) telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) yang diwartakan pada 8 Januari 2009. Penubuhan Suruhanjaya adalah merupakan satu inisiatif bagi memperkasa dan memperkuatkuasakan Badan Kehakiman serta meningkatkan integriti Badan tersebut melalui proses pencalonan, pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan yang lebih telus dan adil. Sejak penubuhannya, Suruhanjaya telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebuah badan pelantikan kehakiman yang bebas berlandaskan kerangka Perlumbagaan.

Peranan Suruhanjaya

Suruhanjaya adalah berperanan untuk menerima dan menimbang permohonan daripada orang berkelayakan ke jawatan hakim-hakim mahkamah atasan berdasarkan peruntukan seksyen 21 Akta 695. Selain melaksanakan fungsi utamanya iaitu memilih orang-orang berkelayakan sebagai hakim mahkamah atasan, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya untuk menambahbaik sistem keadilan di negara ini termasuk mengadakan program latihan untuk hakim-hakim mahkamah atasan serta menerbitkan jurnal perundangan.

Keanggotaan Suruhanjaya

Suruhanjaya dianggotai oleh sembilan (9) orang anggota termasuk Pengurus. Keanggotaan Suruhanjaya adalah berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan di bawah Akta 695. Empat (4) anggotanya adalah dilantik berdasarkan jawatan dalam Badan Kehakiman mengikut peruntukan subseksyen 5(1)(a),(b),(c) dan (d) Akta 695, manakala lima (5) orang anggotanya adalah dilantik oleh Perdana Menteri berdasarkan peruntukan subseksyen 5(1)(e) dan (f) Akta 695. Mereka terdiri daripada seorang Hakim Mahkamah Persekutuan dan empat (4) orang terkemuka yang bukan merupakan anggota eksekutif atau perkhidmatan awam lain. Anggota Suruhanjaya ini dilantik oleh Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Undang-Undang Sabah, Persatuan Peguam Bela Sarawak dan Peguam Negara Persekutuan.

PELANTIKAN BERDASARKAN JAWATAN

YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum*Ketua Hakim Negara***YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop***Presiden Mahkamah Rayuan***YAA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim***Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya***YAA Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah***Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak*

PELANTIKAN OLEH PERDANA MENTERI

YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed

Hakim Mahkamah Persekutuan



YBhg. Dato' Seri Mohd. Hishamudin bin Md. Yunus

Mantan Hakim Mahkamah Rayuan

YBhg. Datuk Linton Albert

Mantan Hakim Mahkamah Rayuan



YBhg. Dato' Mah Weng Kwai

Mantan Hakim Mahkamah Rayuan

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Haji Shad Saleem Faruqi

Profesor Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya




PENGHARGAAN



Suruhanjaya merakamkan sekalung penghargaan atas sumbangan dan jasa kepada YABhg. Tun Raus Sharif sebagai Pengurus Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman mulai 1 April 2017 hingga 10 Julai 2018 dan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin sebagai Anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman mulai 12 September 2011 hingga 10 Julai 2018



Suruhanjaya juga merakamkan ucapan penghargaan kepada YABhg. Tun Arifin bin Zakaria, YBhg. Dato' Anantham a/l Kasinather, YBhg. Datu Abdul Razak Tready dan YBhg. Prof. Dr. Choong Yeow Choy atas sumbangan sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 20 April 2017 hingga 3 September 2018.



MESYUARAT

MESUARAT SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN

Mesyuarat Suruhanjaya secara umumnya diadakan bagi membincangkan inisiatif untuk meningkatkan prestasi, pencapaian dan kecekapan Badan Kehakiman. Subseksyen 13(1) Akta 695 memperuntukkan Mesyuarat Suruhanjaya diadakan sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan. Pada tahun 2018, sebanyak 13 mesyuarat telah diadakan dan dua (2) daripadanya diadakan di luar Putrajaya.

Jadual 1: Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Tahun 2018

Tarikh	Tempat
19 Januari 2018 (Jumaat)	Miri, Sarawak
21 Februari 2018 (Rabu)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
15 Mac 2018 (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
18 April 2018 (Rabu)	Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Kelantan
17 Mei 2018 (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
24 Mei 2018 (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
26 Jun 2018 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
10 Julai 2018 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
28 Ogos 2018 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
25 September 2018 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
29 Oktober 2018 (Isnin)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
22 November 2018 (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
18 Disember 2018 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya

**PROGRAM BERSEMPENA MESYUARAT
SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN**

- **Miri, Sarawak**

Pembukaan Tahun Perundangan Sabah dan Sarawak 2018

Bersempena dengan kehadiran semua Anggota Suruhanjaya ke Pembukaan Tahun Perundangan Sabah dan Sarawak 2018 pada 19 Januari 2018, Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 1 Tahun 2018 telah diadakan di Miri, Sarawak.



- **Kota Bharu, Kelantan**

Taklimat Mengenai Prestasi dan Statistik Pelupusan Kes di Mahkamah Tinggi Kota Bharu

Bersempena dengan Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 4 Tahun 2018 yang diadakan pada 18 April 2018 di Kota Bharu, Kelantan, Anggota Suruhanjaya telah diberi taklimat oleh YA Dato' Ahmad bin Bache, Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Kota Bharu mengenai statistik pelupusan kes di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Taklimat pencapaian prestasi dan statistik Mahkamah Rendah Negeri Kelantan pula telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Mat, Pengarah Mahkamah Negeri Kelantan.



MESUARAT PEMILIHAN

Suruhanjaya berperanan untuk menerima dan mempertimbang permohonan daripada orang berkelayakan ke jawatan hakim-hakim mahkamah atasan berdasarkan peruntukan seksyen 21 Akta 695. Hakim-hakim mahkamah atasan yang dimaksudkan di bawah Akta ini adalah Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman.


Dalam tahun 2018, tiga (3) Mesyuarat Pemilihan telah diadakan oleh Suruhanjaya. Calon-calon yang telah dipertimbang untuk pemilihan terdiri daripada Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan untuk pelantikan sebagai Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan untuk pelantikan sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi untuk pelantikan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan. Calon-calon untuk dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pula adalah daripada Pesuruhjaya Kehakiman. Bagi pemilihan Pesuruhjaya Kehakiman, calon-calon adalah terdiri daripada Pegawai Perundangan dan Kehakiman serta Pengamal Undang-Undang.

Jadual 2: Mesyuarat Pemilihan Tahun 2018

Tarikh	Tempat	Pemilihan
24 Mei 2018 (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya	Pemilihan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak
25 September 2018 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya	Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Rayuan
29 Oktober 2018 (Isnin)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya	Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman



YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum sedang mempengerusikan mesyuarat



The background features a minimalist abstract design composed of overlapping circles and arcs in shades of gray. A large circle with a thick black outline is positioned in the center-right area. Behind it, several smaller circles and arcs of varying sizes are arranged, creating a sense of depth and motion. The overall aesthetic is clean and modern, with a focus on geometric shapes and negative space.

PELANTIKAN HAKIM

KRITERIA PEMILIHAN

Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 23 Akta 695 memperuntukkan syarat dan kelayakan bagi memilih hakim mahkamah atasan. Suruhanjaya juga telah menyediakan satu garis panduan berkenaan kriteria dan kualiti individu yang akan dipilih sebagai hakim mahkamah atasan. Kriteria-kriteria ini adalah untuk memastikan bahawa individu yang dipilih mempunyai kualiti peribadi, keupayaan intelektual, cekap dan mampu menyelesaikan pertikaian dengan adil serta membuat keputusan berdasarkan fakta dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Kriteria Calon

Seksyen 23 (1)

Seseorang calon layak bagi pemilihan jika dia memenuhi kehendak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 23 (3)

Seseorang yang merupakan hakim atau pesuruhjaya kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum ditulis yang terlewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh.

Seksyen 23 (2)

Dalam memilih calon, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira antara lain, kriteria berikut :

- (a) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
- (c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (e) kesihatan fizikal dan mental.

Seksyen 23 (4)

Dalam memilih calon, Suruhanjaya mestilah juga mengambil kira keperluan untuk menggalakkan kepelbagaiannya dalam lingkungan kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam badan kehakiman.

Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

PROSES PEMILIHAN DAN PELANTIKAN

Suruhanjaya melaksanakan proses pemilihan sebagaimana yang ditetapkan oleh seksyen 22(2)(a)(b) Akta 695. Selepas pemilihan dibuat, satu laporan lengkap akan dikemukakan kepada Perdana Menteri dengan memaklumkan nama-nama yang disyor dan asas-asas pertimbangan seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 26 Akta 695. Seksyen 27 Akta 695 memperuntukkan Perdana Menteri boleh meminta dua (2) nama lagi untuk dipilih dan disyorkan bagi pertimbangannya. Seksyen 28 Akta 695 pula menerangkan peranan Perdana Menteri untuk memberi nasihatnya mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan-peruntukan ini membantu Perdana Menteri dalam penyempurnaan peranannya dalam proses pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan. Ini bermakna, kuasa Perdana Menteri dalam proses pelantikan hakim mahkamah atasan telah diperuntukkan serta diperjelaskan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Proses yang diperuntukkan di bawah Akta 695 merupakan proses pelantikan yang mendahului Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.

Pemilihan

Seksyen 22 (1)

Apabila diterima suatu permintaan, Suruhanjaya hendaklah memberitahu anggota-anggota Suruhanjaya dan membuat persediaan bagi mesyuarat pemilihan.

Seksyen 22 (2)

Dalam mesyuarat pemilihan, Suruhanjaya hendaklah menggunakan proses pemilihan sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan,

- (a) memilih tidak kurang daripada tiga orang bagi setiap kekosongan jawatan di Mahkamah Tinggi; atau
- (b) memilih tidak kurang daripada dua orang bagi setiap kekosongan jawatan jika kekosongan jawatan itu adalah bagi hakim mahkamah atasan selain Mahkamah Tinggi.

Seksyen 22 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

Pelantikan

Perkara 122B (1)

Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan (tertakluk kepada perkara 122C) hakim-hakim yang lain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan

PROSES PEMILIHAN DAN PELANTIKAN

Laporan Tentang Syor**Seksyen 26 (1)**

Selepas membuat pemilihannya, Suruhanjaya hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Perdana Menteri yang hendaklah :-

- menyatakan siapa yang telah dipilih oleh Suruhanjaya untuk disyorkan bagi pelantikan ke jawatan yang berkenaan;
- menyatakan alasan bagi pemilihan itu; dan
- mengandungi apa-apa maklumat lain yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya untuk dibawa kepada pengetahuan Perdana Menteri.

Seksyen 26 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

Seksyen 26 (2)

Selepas mengemukakan laporan itu, Suruhanjaya hendaklah memberikan apa-apa maklumat lanjut sebagaimana yang dikehendaki oleh Perdana Menteri.

Permintaan bagi Pemilihan Lanjut oleh Perdana Menteri**Seksyen 27**

Perdana Menteri boleh, selepas menerima laporan di bawah seksyen 26, meminta dua nama lagi untuk dipilih dan disyorkan bagi pertimbangannya berkenaan dengan apa-apa kekosongan ke jawatan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan, dan Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, mematuhi permintaan itu mengikut proses pemilihan sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Seksyen 27 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

Pemberian Nasihat**Seksyen 28**

Apabila Perdana Menteri telah menerima mana-mana orang yang disyorkan oleh Suruhanjaya, dia bolehlah seterusnya memberikan nasihatnya mengikut Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 28 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH ATASAN

Tahun 2018 menyaksikan beberapa pelantikan hakim-hakim atasan di semua peringkat mahkamah atasan. Jumlah keseluruhan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik dalam tahun 2018 adalah seramai 34 orang. Dalam usaha untuk memperluas kepelbagaiannya calon-calon hakim mahkamah atasan dan meningkatkan keyakinan terhadap Badan Kehakiman, Suruhanjaya juga telah memilih calon Pesuruhjaya Kehakiman daripada pelbagai bidang kemahiran, latar belakang pendidikan dan pengalaman selain berdasarkan prestasi, kompetensi dan kualiti peribadi.

Jadual 3 : Pecahan bilangan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman

Bil.	Mahkamah	Bilangan Dilantik
1.	Ketua Hakim Negara	1
2.	Presiden Mahkamah Rayuan	1
3.	Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya	1
4.	Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak	1
5.	Mahkamah Persekutuan	7
6.	Mahkamah Rayuan	8
7.	Mahkamah Tinggi	8
8.	Pesuruhjaya Kehakiman	7
	JUMLAH	34

PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH ATASAN

Pelantikan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak

YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara pada 11 Julai 2018 bagi menggantikan YAA Tun Raus Sharif. YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Hajji Maarop yang pada ketika itu menyandang jawatan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya telah dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan bagi menggantikan YAA Tan Sri Dato' Sri Zulkefli bin Ahmad Makinudin pada tarikh yang sama. YAA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim telah dilantik sebagai Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan YAA Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah telah dilantik sebagai Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak juga pada 11 Julai 2018.



Sesi bergambar semasa Majlis Penyampaian Suratcara Pelantikan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak pada 11 Julai 2018

PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH ATASAN

Pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi**Hakim Mahkamah Persekutuan**

- | | |
|--|---|
| 1. YA Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah | 4. YA Dato' Tengku Maimun binti Tuan Mat |
| 2. YA Dato' Rohana binti Yusuf | 5. YA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim |
| 3. YA Dato' Setia Haji Mohd Zawawi
bin Salleh | 6. YA Tan Sri Idrus bin Harun |
| | 7. YA Datuk Nallini Pathmanathan |

Hakim Mahkamah Rayuan

- | | |
|---|---|
| 1. YA Datuk Stephen Chung Hian Guan | 5. YA Dato' Mohamad Zabidin bin Mohd Diah |
| 2. YA Datuk Hanipah binti Farikullah | 6. YA Datuk Yew Jen Kie |
| 3. YA Datuk Wira Kamaludin bin Md. Said | 7. YA Datuk Nor Bee binti Ariffin |
| 4. YA Datuk Lau Bee Lan | 8. YA Dato' Has Zanah binti Mehat |

Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi

- | | |
|--|--|
| 1. YA Puan S.M. Komathy a/p Suppiah | 5. YA Dato' Ahmad bin Bache |
| 2. YA Dato' Indera Haji Ab Karim bin
Haji Ab Rahman | 6. YA Datuk Mohd Firuz bin Jaffril |
| 3. YA Datuk Wong Kian Kheong | 7. YA Datuk Mairin Idang @ Martin |
| 4. YA Dr. Choo Kah Sing | 8. YA Dr. Haji Alwi bin Haji Abdul Wahab |



Sesi bergambar semasa Majlis Penyampaian Suratcara Pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi pada 27 April 2018

PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH ATASAN



Sesi bergambar semasa Majlis Penyampaian Suratcara Pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Rayuan pada 26 November 2018

Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman

- | | |
|--|----------------------------------|
| 1. YA Dato' Ahmad Fairuz bin Zainal Abidin | 5. YA Puan Wong Chee Lin |
| 2. YA Dato' Mohd Radzi bin Harun | 6. YA Tuan Darryl Goon Siew Chye |
| 3. YA Dato' Hajah Aliza binti Sulaiman | 7. YA Dr. Lim Hock Leng |
| 4. YA Datuk Meor Hashimi bin Abdul Hamid | |



Pesuruhjaya Kehakiman selepas Majlis Mengangkat Sumpah Jawatan pada 30 Mac 2018



**AKADEMI
KEHAKIMAN**

KEANGGOTAAN AKADEMI KEHAKIMAN

Akademi Kehakiman telah ditubuhkan pada 16 Disember 2011 selaras dengan fungsi Suruhanjaya di bawah subseksyen 21 (1)(e) dan (f) Akta 695. Jawatankuasa Akademi Kehakiman pada masa ini dianggotai oleh lapan (8) orang Hakim yang dipengerusikan oleh Ketua Hakim Negara.

Jadual 4 : Keanggotaan Jawatankuasa Akademi Kehakiman

Pengerusi

**YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum
Ketua Hakim Negara**

Ahli

**YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop
Presiden Mahkamah Rayuan**

**YAA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya**

**YAA Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak**

**YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed
Hakim Mahkamah Persekutuan**

**YA Dato' Sri Balia Yusof bin Haji Wahi
Hakim Mahkamah Persekutuan**

**YA Datuk Nallini Pathmanathan
Hakim Mahkamah Persekutuan**

**YA Datuk Dr. Badariah binti Sahamid
Hakim Mahkamah Rayuan**

Setiausaha

**YBrs. Encik Wan Khairilanwar bin Wan Muhammad
Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman**

Bagi membolehkan Akademi Kehakiman menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan, dua (2) jawatankuasa telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Latihan dan Jawatankuasa Penerbitan. Jawatankuasa Latihan bertanggungjawab membangun, merancang dan menyediakan program latihan dalam dan luar negara kepada hakim-hakim mahkamah atasan, manakala Jawatankuasa Penerbitan pula diberi tanggungjawab menerbit jurnal, buku teks, buku undang-undang dan monograf.

JAWANTANKUASA LATIHAN

Perkembangan semasa serta kompleksiti dalam bidang perundangan menuntut kepada pembelajaran berterusan yang merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan kerjaya seseorang hakim. Objektif utama pelaksanaan program latihan hakim adalah untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran hakim-hakim selaras dengan perkembangan semasa bidang perundangan dalam dan luar negara. Keanggotaan Jawatankuasa Latihan adalah seperti berikut:

Jadual 5 : Keanggotaan Jawatankuasa Latihan

Pengerusi

YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed
Hakim Mahkamah Persekutuan

Ahli

YA Dato' Setia Haji Mohd Zawawi bin Salleh
Hakim Mahkamah Persekutuan

YA Dato' Tengku Maimun binti Tuan Mat
Hakim Mahkamah Persekutuan

YA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim
Hakim Mahkamah Persekutuan

YA Datuk Vernon Ong Lam Kiat
Hakim Mahkamah Rayuan

YA Dato' Mary Lim Thiam Suan
Hakim Mahkamah Rayuan

YA Datuk Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim
Hakim Mahkamah Rayuan

Setiausaha/Urus setia

Encik Wan Khairilanwar bin Wan Muhammad
Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Puan Adibah Al-Husna binti Abdul Rahim
Timbalan Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Pada tahun 2018, peruntukan keseluruhan yang telah dibelanjakan bagi membiayai kos pelaksanaan program latihan ini adalah sebanyak RM155,599.90.

PROGRAM LATIHAN 2018

Berdasarkan perkembangan bidang perundangan dan selari dengan perubahan kehendak masyarakat, kursus-kursus yang dianjurkan oleh Akademi Kehakiman memberi tumpuan khusus kepada pentafsiran undang-undang substantif yang sentiasa berkembang, peraturan dan prosedur mahkamah serta kemahiran dalam pengurusan kes. Program latihan yang dilaksanakan adalah berbentuk kursus jangka pendek dan seminar. Sebahagian besar daripada program latihan yang dianjurkan oleh Akademi Kehakiman dikendalikan oleh hakim-hakim kanan di samping program kerjasama dengan agensi-agensi lain dan menjemput ilmuan serta pakar perundangan dari dalam dan luar negeri. Program ini secara umumnya berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran hakim dalam mentafsir undang-undang serta memantapkan kualiti penghakiman.

Bagi meningkatkan keberkesanan kursus-kursus jangka pendek dilaksanakan secara interaktif dengan bilangan peserta yang kecil di antara 16 - 25 peserta setiap sesi.

Secara ringkasnya, 100% Hakim Mahkamah Tinggi dan 97% Pesuruhjaya Kehakiman menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) kursus dalam tahun 2018. 36% Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman menghadiri kursus sekurang-kurangnya tiga (3) kali pada tahun ini.

UNDANGAN PAKAR PERUNDANGAN DARI LUAR NEGARA DENGAN KERJASAMA AGENSI LAIN

“JUDICIAL DIGITAL EVIDENCE SEMINAR”

Pada 21 Oktober 2018 bertempat di Hotel The Everly, Putrajaya, program “Judicial Digital Evidence” Seminar telah diadakan dengan kerjasama Suruhanjaya dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. YA Paul Grimm, *US District Court Judge, District of Maryland* telah dijemput sebagai penceramah. Program ini telah dihadiri oleh Ketua Hakim Negara, Hakim-Hakim Zon Utara, Selatan, Tengah dan Putrajaya serta pegawai-pegawai Kehakiman.

PROGRAM LATIHAN DALAM NEGARA

1. "INSOLVENCY ACT 1967: UNDERSTANDING THE NEW BANKRUPTCY LAW"

Seminar "Insolvency Act 1967: Understanding the New Bankruptcy Law" merupakan program latihan pertama yang dilaksanakan pada tahun 2018. Seminar ini telah diadakan di Dewan Persidangan, Istana Kehakiman, Putrajaya pada 10 Februari 2018. Objektif seminar ini adalah untuk memberi gambaran menyeluruh kepada peserta-peserta mengenai pindaan-pindaan Akta Kebankrapan 1967 yang kini dikenali sebagai Akta Insolvensi 1967.

Seramai 116 orang peserta yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi, Pesuruhjaya Kehakiman serta Pegawai Kehakiman dan Perundangan telah menghadiri seminar ini. Penceramah-penceramah terdiri daripada YBhg. Dato' Meor Hashimi bin Abdul Hamid, Timbalan Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia, YA Datuk Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim dan YA Datuk Abdul Karim bin Abdul Jalil, Hakim-hakim Mahkamah Rayuan yang juga mantan Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia.

Seminar ini telah diadakan dalam empat (4) sesi. Sesi pertama dimulai dengan pembentangan oleh YBhg. Dato' Meor Hashimi bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia yang bertajuk 'An Overview of the New Bankruptcy Law Act'. YA Datuk Abdul Karim bin Abdul Jalil kemudiannya telah membentangkan kertas bertajuk: 'New Rescue Mechanism: Voluntary Arrangement and Interim Order'. YA Datuk Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim meneruskan sesi ketiga dengan pembentangan bertajuk 'Specific Features of the New Insolvency Regime: Single Bankruptcy Order, Order of Substituted Service, Automatic Discharge'. Sesi keempat merupakan sesi perbincangan dan soal-jawab. Ahli-ahli Panel terdiri daripada semua pembentang manakala YA Datuk Vernon Ong Lam Kiat selaku moderator.



Peserta seminar "Insolvency Act 1967: Understanding the New Bankruptcy Law" yang diadakan pada 10 Februari 2018

2. “APPELLATE JUDGING AND APPELLATE INTERVENTION”

Seminar “Appellate Judging and Appellate Intervention” telah diadakan pada 24 Februari 2018 di Dewan Bankuet, Istana Kehakiman Putrajaya seramai 22 peserta yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Rayuan telah menghadiri kursus ini. Objektif seminar ini adalah untuk memantapkan pengetahuan serta kemahiran Hakim Mahkamah Rayuan di samping memberi peluang untuk bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman dengan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak serta rakan peserta berkenaan isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama (*common interest*).

Fasilitator kursus ini terdiri daripada YAA Tun Raus Sharif, Ketua Hakim Negara; YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin, Presiden Mahkamah Rayuan; YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya; dan YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed, Hakim Mahkamah Persekutuan.

Seminar ini telah dibahagikan kepada dua (2) sesi. Sesi pertama yang bertajuk 'Appellate Judging' telah dikendalikan oleh YAA Tun Raus Sharif, manakala sesi kedua yang bertajuk 'Appellate Intervention' dikendalikan oleh YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin dan disusuli dengan sesi soal-jawab. YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop dan YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed turut menjadi panel dalam sesi ini.



Peserta seminar “Appellate Judging and Appellate Intervention” yang diadakan pada 24 Februari 2018

Senarai Nama Peserta

1. YA Datuk Wira Mohtarudin bin Bakri
2. YA Dato' Rohana binti Yusuf
3. YA Dato' Tengku Maimun binti Tuan Mat
4. YA Dato' Setia Haji Mohd Zawawi bin Salleh
5. YA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim
6. YA Dato' Umi Kalthum binti Abdul Majid
7. YA Dato' Ahmad bin Haji Asnawi
8. YA Tan Sri Idrus bin Harun
9. YA Datuk Dr. Badariah binti Haji Sahamid
10. YA Datuk Vernon Ong Lam Kiat
11. YA Dato' Abdul Rahman bin Sebli
12. YA Puan Sri Dato' Zaleha binti Yusof
13. YA Datuk Kamardin bin Hashim
14. YA Dato' Mary Lim Thiam Suan
15. YA Datuk Yaacob bin Haji Md. Sam
16. YA Dato' Zabariah binti Mohd. Yusof
17. YA Datuk Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim
18. YA Datuk Harmindar Singh Dhaliwal
19. YA Datuk Abdul Karim bin Abdul Jalil
20. YA Dato' Suraya binti Othman
21. YA Datuk Yeoh Wee Siam
22. YA Dato' Rhodzariah binti Bujang

3. "SEMINAR ON LAND LAW: RESOLVING COMPETING CLAIMS UNDER SECTION 340 OF THE NATIONAL LAND CODE"

"Seminar on Land Law: Resolving Competing Claims under Section 340 of the National Land Code" merupakan program latihan yang menjemput penceramah daripada luar Badan Kehakiman. Seminar ini telah diadakan pada 3 Mac 2018 di Dewan Persidangan, Istana Kehakiman Putrajaya. YBhg. Datuk Dr. Khaw Lake Tee, seorang ahli akademik yang pakar dalam bidang undang-undang berkaitan tanah telah dijemput sebagai penceramah. Objektif seminar ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai isu-isu semasa, berhubung Seksyen 340 Kanun Tanah Negara.

Seramai 119 peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada Presiden Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Mala, lima (5) orang Hakim Mahkamah Persekutuan, 21 orang Hakim Mahkamah Rayuan, 36 orang Hakim Mahkamah Tinggi, 25 orang Pesuruhjaya Kehakiman dan 30 orang Pegawai Kehakiman.

Seminar ini telah dibahagikan kepada dua (2) sesi iaitu sesi ceramah yang bertajuk bertajuk 'Resolving Competing Claims under Section 340 of the National Land Code' dan sesi soal jawab yang dipengerusikan oleh YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed.



'Seminar on Land Law: Resolving Competing Claims under Section 340 of the National Land Code' yang diadakan pada 3 Mac 2018

4. "INDUCTION PROGRAMME FOR JUDICIAL COMMISSIONERS"

